

Lawatan Penilai Luar Program Bioteknologi

Artikel oleh: Hartinie Marbawi

Pada 7 - 9 Februari 2012, program Bioteknologi telah menerima lawatan penilai luar iaitu Prof. Minoru Yoshida, Pengarah Kumpulan Penyelidikan Genomik Kimia, RIKEN, sebuah institusi penyelidikan terkenal di Jepun. Beliau juga merupakan Professor Pelawat di Universiti Kyoto. Perlantikan penilai luar ini adalah bertujuan untuk menilai pelaksanaan program secara menyeluruh serta untuk memenuhi syarat akreditasi program.

Pertemuan para pensyarah program bersama penilai luar juga membincangkan kursus sedia ada, kesesuaian silibus dengan perkembangan semasa bidang bioteknologi kaedah pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi teori dan amali. Sempena kunjungan ini, beliau juga telah menyampaikan syarahan akademik yang bertajuk *Chemical Biology*. Beliau juga telah berinteraksi serta mendapat maklumbalas daripada para pelajar siswazah dan pascasiswazah bioteknologi berkaitan situasi pembelajaran dan penyelidikan melalui perspektif mereka. Dalam sesi yang lain, beliau juga berkesempatan melawat ke makmal-makmal program untuk meninjau keadaan fizikal serta peralatan dan kelengkapan makmal yang digunakan untuk tujuan pengajaran dan penyelidikan.

Sebagai tanda ucapan terima kasih, beliau telah diraikan di majlis makan malam di Hotel Hyatt Kota Kinabalu. Majlis turut dihadiri oleh Pemangku Dekan Prof. Madya Dr. Baba Musta dan Timbalan Dekan Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni Dr. Saafie Saleh. Diharapkan agar segala komen dan cadangan yang diberikan dalam penilaian ini akan mampu memantapkan lagi program Bioteknologi.



Penyampaian cenderahati oleh Dekan kepada Prof. Minoru Yoshida.



Para pensyarah program Bioteknologi bersama penilai luar.



Ketika sesi lawatan ke makmal program Bioteknologi.